

*Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ الَّذِينَ أَتَحْذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهُوَا وَغَرَّهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكْرُهُ بِهِ هَذَا أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيُّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلُ كُلَّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أَبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(Surah al-An'am: 70)

Ayat di atas menerangkan larangan mempersendakan agama Islam.  
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** balasan Allah SWT kepada orang yang mempersendakan agama. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara menjaga kesucian Islam. [4 markah]

- (b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ سَبْعَةُ يُظْلَمُونَ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌ شَأْنًا فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ «قَلْبُهُ مُعْلَقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلٌ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَقَرَّفَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتٌ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ، أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالَهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًّا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ»

(متفق عليه)

Hadis di atas berkaitan dengan golongan yang mendapat naungan Allah SWT di padang Mahsyar.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud naungan. [2 markah]

- (ii) Jelaskan contoh bagi setiap golongan yang berikut:
- Pemimpin yang adil
  - Seorang yang hatinya mencintai masjid

[2 markah]



- (iii) Berdasarkan poster di atas, mengapakah kita digalakkan bersedekah secara sembunyi? [2 markah]
- (iv) Sebagai seorang murid, huraiakan bagaimanakah anda mengaplikasikan amalan di atas agar mendapat redha dan naungan Allah SWT. [4 markah]

(c) Nyatakan cara bacaan *waqaf* tersebut:

Bil	Ayat <i>waqaf</i>	Cara bacaan <i>waqaf</i>
i)	وَأَعْضُضُ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ	
ii)	سَبَحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ أَعَزِيزٌ أَحَكِيمٌ	

[2 markah]

2 (a) Setiap muslim wajib memelihara imannya daripada terbatal.

(i) Nyatakan **dua** cara iman seseorang itu terbatal. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** contoh iktikad terbatal iman melalui al-Ghaibiyat. [2 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud al-Raqib. [2 markah]

Keimanan kepada Allah SWT al-Raqib akan menjadikan seseorang hamba sentiasa berwaspada daripada melakukan dosa dan maksiat.

(ii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(c) Muktazilah adalah salah satu aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(i) Jelaskan prinsip Muktazilah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan pandangan antara Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan al-Muktazilah berkaitan dengan isu Qada' dan Qadar. [2 markah]

Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW bersabda: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitab Allah dan sunnah nabiNya.

(Riwayat Malik)

(iii) Pada pandangan anda, mengapa masih berlaku lagi ajaran sesat walaupun nabi telah berpesan di dalam hadisnya seperti di atas. [2 markah]

(iv) Ajaran sesat mampu menggugat keamanan dan keharmonian negara. Berikan pandangan anda untuk menangani penyebaran ajaran sesat dalam masyarakat kita hari ini. [4 markah]

3 (a) (i) Nyatakan maksud jual beli. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** syarat penjual dan pembeli. [2 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud solat sunat Tasbih. [2 markah]

Solat sunat Tasbih mempunyai banyak ganjaran pahala dan keistimewaannya. Namun, ia mengambil masa yang lama untuk melakukannya.

- (ii) Cadangkan bagaimakah cara untuk menjadikan solat sunat Tasbih ini sebagai amalan dalam kehidupan. [4 markah]
- (c) (i) Apakah maksud nusyuz? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh isteri yang nusyuz. [2 markah]



MAKLUMAT A



MAKLUMAT B

- (iii) Berdasarkan maklumat di atas, ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya kerap berlaku penceraian dalam rumah tangga di Malaysia? [2 markah]
- (iv) Hubungkaitkan di antara dua maklumat berikut untuk mewujudkan sebuah perkahwinan yang kekal bahagia hingga ke syurga. [4 markah]

- 4 (a) Keagungan dan kehebatan kerajaan Umayyah menjadi kebanggaan dalam tamadun Islam.

- (i) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dari sudut pendidikan. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umayyah. [4 markah]

Umar bin Abdul Aziz :

- Membina rumah transit untuk para pedagang
- Menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat seperti hospital dan jalan raya

- (iii) Hubungkaitkan pernyataan di atas dengan peranan pemimpin pada masa kini. [4 markah]

(b) Ahmad bin Ibrahim adalah tokoh terkemuka dalam bidang perundangan.

(i) Nyatakan riwayat hidup tokoh tersebut. [3 markah]

(ii) Jelaskan **tiga** sumbangan tokoh tersebut. [3 markah]

(c) Kerajaan Abbasiyah merupakan zaman keemasan tamadun Islam.

Pemimpin yang terbaik akan memberikan manfaat kepada semua orang. Bukan sahaja manfaat di dunia, malahan dapat membantu kita di akhirat kelak.

(i) Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan persediaan anda untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan. [4 markah]

5 (a) Islam menitikberatkan umat Islam agar beradab terhadap orang sakit.

(i) Jelaskan **dua** adab menyantuni orang sakit. [2 markah]

(ii) Terangkan hikmah menyantuni orang sakit. [2 markah]



(iii) Berdasarkan gambar di atas,uraikan pandangan anda tentang tanggungjawab individu terhadap ibu bapanya. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud hasad. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** keadaan diharuskan bersifat hasad di dalam Islam. [2 markah]

(iii) Terangkan **dua** hikmah meninggalkan sifat mazmumah. [4 markah]



- (c) Berdasarkan petikan doa di atas, cadangkan cara untuk mengelakkan diri daripada sifat mazmuzah tersebut. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**